

Ucapan Y.B.Menteri Pelajaran Enche Hussein
Onn di-upachara merasmikan pembukaan bangunan
tambahan Sekolah Kebangsaan Kampong Star, Yen,
Kedah pada 18.4.1971 pukul 2.30 petang

Saya ucapkan berbanyak terima kaseh kerana di-jemput
hadzir dan merasmikan pembukaan bangunan tambahan yang ber-
harga \$31,500/- bagi Sekolah Kebangsaan Kampong Setar, Yen.
Dengan belanja yang bagitu banyak Kementerian Pelajaran telah
dapat mengadakan 3 bilek darjah, kantin, setor dan tandas
bagi kegunaan murid2 dan guru2 yang bertambah ramai lagi di-
sekolah ini. Ini-lah bangunan tambahan yang kedua saya buka di-
Yen, yang pertama pagi tadi untuk Sekolah Kebangsaan Simpang
Tiga, Sungai Daun yang menelan belanja \$43,000/-.

Kerajaan tidak teragak2 menyediakan belanja yang
banyak kepada pelajaran anak2 kita, oleh kerana ini ia-lah
satu penanaman modal yang besar dan yang akan dapat memberikan
hasil yang baik lagi sempurna apabila kanak2 ini terpelajar dan
dewasa nanti. Sunggoh pun demikian ada-lah menjadi tanggung-jawab
tiap2 orang ibu bapa, guru2 dan murid2 bagi menentukan bahawa
penanaman modal ini memberi hasil yang baik kelak. Kita jangan-
lah berpuas hati setakat mempunyai bangunan sekolah2 yang ter-
segam dan indah, tetapi mengisi tiap2 bilek darjah itu sa-penoh2-
nya dengan kanak2 kita.

Sekarang saya beraleh kepada soal pelaksanaan dasar
Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar yang utama di-sekolah2
bantuan kerajaan di-semua peringkat. Kerajaan ada-lah berazam
penoh untuk menjadikan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar
yang utama dan kita tidak akan berundur kebelakang dari dasar
ini. Mulai tahun 1970 kesemua mata pelajaran kechuali Bahasa
Inggeris telah di-ajar melalui Bahasa Malaysia di-darjah I dalam
semua sekolah, ia-itu Sekolah2 Kebangsaan dan Jenis Kebangsaan
Inggeris. Dan mulai tahun 1975 tidak ada lagi kelas2 peralehan
Inggeris.

Ada pehak meminta agar process perlaksanaan ini di-
segerakan, tetapi suka-lah saya nyatakan bahawa saya tidak
mahu kanak2 kita di-jadikan mangsa kerana semata2 hendakkan per-
ubahan itu, di-chepatkan. Sunggoh pun demikian ada-lah di-jelas-

di-sini bahawa apa saja yang telah di-putuskan berkenaan dasar ini, akan terus berjalan seperti yang kami rancangkan.

Masalah yang timbul dari pelaksanaan ini ialah banyak, dan satu daripadanya memberi Kursus Bahasa Malaysia kepada Pensharah2 dan guru2 bukan Melayu yang tidak boleh mengajar dalam Bahasa Malaysia. Dengan jalan ini kita yakin dan percaya mereka boleh mengajar semua mata pelajaran dalam Bahasa Malaysia. Saya suka menasihatkan setiap orang supaya jangan memperkecil-kecilkan peranan dan kepentingan Bahasa Malaysia dalam kemajuan, pembangunan dan keharmonian negara kita pada masa hadapan. Lebih mahir kita dalam bahasa ini, maka lebih baik lagi bagi kita oleh kerana bukan sahaja semua pelajaran menengah akan di-ajar dalam Bahasa Malaysia sehingga Tingkatan V menjelang tahun 1980, tetapi lebih2 lagi ia-nya akan menolong kita memahami antara satu dengan lain dan menyatu-padukan rakyat berbilang kaum, ugama dan kebudayaan negara ini.

Suka-lah saya hendak terangkan di-sini bahawa rancangan persekolahan kita termasuk pelajaran anika jurusan memang mendapat pandangan dan sambutan yang baik. Mengenai pelajaran anika jurusan yang menjadikan mata2 pelajaran sains dan teknik mustahak di-peringkat menengah rendah seperti Industrial Arts, Pelajaran Trengkas dan Taiping, Sains Pertanian dan Sains Rumah Tangga, kita akan dapat mengatasi kekurangan tenaga manusia yang mahir dalam lapangan pembangunan negara dan juga untuk menanamkan perasaan kechenderongan ka-arrah pelajaran teknik ini di-kalangan pemuda pemudi kita. Oleh itu kalau kita dapati bahawa anak2 kita itu chenderong kepada pelajaran teknik, saya berharap ibu bapa galakan, dan ada kala-nya kanak2 itu terpaksa belajar jauh dari kampung mereka, sebab sekolah2 teknik tidak ada di-tiap2 daerah negeri ini. Di-sini ibu bapa mesti-lah sanggup berkorban, ia-itu mengeluarkan belanja untuk murid2 itu pergi jauh dari kampung mendapatkan pelajaran teknik ini.

Dengan ada-nya asohan mata2 pelajaran sains dan teknik di-peringkat menengah, maka ada-lah di-harapkan juga supaya mereka meneruskan pelajaran yang sama ka-peringkat2 Maktab atau Universiti dan tidak-lah mereka bertumpu kepada pelajaran akademik.

Beraleh kapada pengajian peringkat Maktab dan Universiti, sukalah saya menyatakan bahawa terpulang-lah kapada penuntut2 sendiri untuk mengisi tempat2 yang tersedia ada di-Universiti2 Malaya, Pulau Pinang dan Kebangsaan. Selain daripada itu tidak berapa lama lagi sa-buah Universiti Pertanian akan di-tubuhkan oleh Kerajaan. Segala usaha ini di-buat untuk memberi tempat kapada penuntut2 melanjutkan pelajaran tinggi mereka, yang mana ada-lah sangat berguna kapada kemajuan dan pembangunan negara kita pada masa hadapan. Peluang anak2 kita melanjutkan pelajaran tinggi mereka terbentang luas, tetapi usaha-lah dari sekolah2 rendah lagi supaya tempat yang lebih tinggi itu akan dapat di-duduki dan di-perolehi.

Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan ini mengucapkan tahniah kapada semua pihak yang bertanggung-jawab menyedia serta mengatorkan pembukaan bangunan tambahan Sekolah Kebangsaan Kampong Star ini. Saya ingin melihat semua murid2 di-sekolah ini rajin belajar dan menjadi warganegara yang berguna dan ta'at setia kapada raja dan negara.

Sekarang dengan sukachita-nya saya merasmikan pembukaan bangunan tambahan Sekolah Kebangsaan Kampong Star, Yen, Kedah.





No. Siri 25
No. Penerimaan 25/80